



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DALAM NEGARA

3 MAC 2021, PUTRAJAYA - Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di http://apims.doe.gov.my/public_v2/home.html pada hari ini jam 2 petang menunjukkan:

- i. 20 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik;
- ii. 48 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana; dan
- iii. **Tiada kawasan yang mencatatkan bacaan tidak sihat.**

Keadaan hujan di satu dua tempat terutama di kawasan yang terbakar telah menyebabkan **kualiti udara bertambah baik** di kawasan-kawasan yang terlibat **dan tiada bacaan IPU tidak sihat dicatatkan sehingga kini.**

Walau bagaimanapun, JAS telah mengesan **kebakaran hutan** yang berlaku di kawasan Rompin, Pahang pada 2 Mac 2021 dan tindakan pemadaman sedang giat dijalankan. Keadaan ini tidak memberi kesan kepada bacaan IPU di kawasan yang berhampiran dengan stesen pemantauan udara di Rompin.

Berdasarkan laporan oleh ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC) pada 2 Mac 2021, bilangan **titik panas (hotspot)** yang dikesan melalui imej satelit National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA) 20 terdapat sebanyak 33 titik panas (hotspot) dikesan dalam negara iaitu 12 di Pahang, 2 di Kelantan, 1 di Melaka dan masing-masing 6 titik panas di negeri Perlis, Kedah dan Johor. Titik panas yang dikesan akan disiasat dibawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Selain itu, di Sumatera, Indonesia 69 titik panas (hotspot) yang dikesan dan 17 titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan, Indonesia.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka terutama di kawasan tanah gambut, tapak pelupusan sampah atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda maksimum RM500,000 atau penjara selama tempoh maksimum 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2,000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol **1-800-88-2727** atau melalui eAduan di laman sesawang <https://eaduan.doe.gov.my>.

-TAMAT-


NORLIN JAAFAR

Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

Dikeluarkan pada 3 Mac 2021

PETA JEREBU SERANTAU BERTARIKH 2 MAC 2021

Regional Haze Situation



Latest Weather and Haze Situation

In the southern ASEAN region, drier conditions persisted in Peninsular Malaysia, Singapore and Sumatra. Isolated hotspots were detected in parts of Peninsular Malaysia, as well as in the Sumatran province or Riau. Localised smoke plumes were observed to emanate from the hotspots in Riau but no smoke plumes were observed in Peninsular Malaysia due to cloudy conditions. Elsewhere in the region, there were isolated to scattered showers.

Updated 6:16 PM 03 Mar

Weather and Haze Outlook

In the southern ASEAN region, isolated to scattered showers are expected for many parts of the region over the next few days. The increase in shower activities in the fire-prone areas may help subdue the hotspot activities and smoke haze situation in the region. The prevailing winds are forecast to blow from the east or northeast in areas north of the equator, but becoming light and variable in direction in the south.

Updated 6:16 PM 03 Mar